

10 FEBRUARI 2023

PROGRAM MYTC INSTUN, PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MUALLIM.

INSTUN melalui program MyTC telah menyediakan sewaan fasiliti kepada Pejabat Pendidikan Daerah Muallim bagi menyokong penganjuran program Back To School 2023 Sekolah-Sekolah Daerah Muallim. Ia telah dirasmikan oleh YB Chang Lih Kang, Ahli Parlimen Tanjong Malim merangkap Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Program ini bertujuan untuk membantu murid-murid terpilih dari keluarga B40 yang melibatkan 40 buah sekolah di Daerah Muallim. Para pelajar terpilih telah menerima bantuan awal persekolahan dalam bentuk beg sekolah, alat tulis, baucar pakaian dan wang tunai yang ditaja oleh MARGMA Foundation.

Program ini turut mendapat kerjasama dari Pertubuhan Perkembangan dan Evolusi Pendidikan India Selangor (PEPIS). Turut hadir memberi sokongan ialah Pegawai Daerah Muallim, Setiausaha Majlis Daerah Tanjong Malim dan pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan sekitar daerah Muallim.





